

FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ) – PERODUA EV PROGRAMME

No.	Questions	Answers
1.	<p>What is Maybank-PERODUA EV Programme?</p> <p><i>Apakah Program EV Maybank-PERODUA?</i></p>	<p>It is a financing programme by Maybank Islamic for PERODUA's new electric vehicle (EV), offered under Murabahah Vehicle Term Financing-i (MVTf-i). Customers can pay both their monthly vehicle financing instalment (vehicle instalment) and battery rental payment in a single combined payment.</p> <p><i>Ia adalah program pembiayaan oleh Maybank Islamic untuk kenderaan elektrik (EV) baharu PERODUA, ditawarkan di bawah Pembiayaan Berjangka Kenderaan Murabahah-i (MVTf-i). Pelanggan boleh membuat bayaran ansuran pembiayaan kenderaan (ansuran kenderaan) dan bayaran sewa bateri melalui satu bayaran bulanan tunggal.</i></p>
2.	<p>What makes this programme different from normal vehicle financing?</p> <p><i>Apa yang membezakan program ini daripada pembiayaan kenderaan biasa?</i></p>	<p>The PERODUA EV programme uses a battery rental model. Instead of owning the battery, you rent it from PERODUA. With this programme, PERODUA and Maybank Islamic allows you to pay your vehicle instalment and battery rental payment together in one combined monthly amount.</p> <p><i>Program PERODUA EV menggunakan konsep sewa bateri. Bateri tidak dimiliki pelanggan tetapi disewa daripada PERODUA. Melalui program ini, PERODUA dan Maybank Islamic membolehkan anda membuat bayaran ansuran kenderaan dan sewa bateri dalam satu bayaran bulanan tunggal.</i></p>
3.	<p>What are the margin of financing and tenure for the PERODUA EV financing?</p> <p><i>Apakah margin pembiayaan dan tempoh pembiayaan untuk PERODUA EV?</i></p>	<p>The financing offers a maximum Margin of Financing (MoF) of up to 90% and a maximum financing tenure of up to 9 years, subject to eligibility and credit assessment.</p> <p><i>Margin Pembiayaan maksimum ialah sehingga 90%, dan tempoh pembiayaan maksimum ialah sehingga 9 tahun, tertakluk kepada kelayakan dan penilaian kredit.</i></p>
4.	<p>How does the combined monthly payment work?</p> <p><i>Bagaimanakah bayaran bulanan tunggal ini berfungsi?</i></p>	<p>Every month, you make one combined payment via Maybank's payment channels. The system will automatically split the payment into two: one portion for your vehicle instalment, and the other for the battery rental payment payable to PERODUA.</p> <p><i>Pada setiap bulan, anda membuat satu bayaran bulanan tunggal melalui saluran pembayaran Maybank. Sistem akan membahagikan bayaran tersebut secara automatik kepada dua : ansuran kenderaan dan bayaran sewa bateri yang akan disalurkan kepada PERODUA.</i></p>
5.	<p>Can I pay the vehicle instalment and battery rental payment separately?</p>	<p>No. Both payments must be made together as a single combined amount.</p>

	<p>Bolehkah saya membayar ansuran kenderaan dan sewa bateri secara berasingan?</p>	<p>Tidak. Kedua-duanya bayaran mesti dibuat serentak dalam satu bayaran bulanan tunggal.</p>
6.	<p>What happens if I make a partial payment?</p> <p>Apa yang berlaku jika saya membuat bayaran separa (tidak mencukupi)?</p>	<p>Partial payments are not allowed. Any payment less than the full combined amount will be rejected by the system.</p> <p>Bayaran separa tidak dibenarkan. Sebarang jumlah yang kurang daripada bayaran bulanan tunggal akan ditolak oleh sistem.</p>
7.	<p>Can I make advance or excess payments?</p> <p>Bolehkah saya membuat bayaran pendahuluan atau bayaran lebihan?</p>	<p>Yes. Customers may make advance payments, but only in multiples of the combined monthly amount due (e.g., 1x, 2x, 3x). Any other excess amount will be rejected. (<i>Applicable until further notice.</i>)</p> <p>Ya. Pelanggan boleh membuat bayaran pendahuluan tetapi hanya dalam gandaan jumlah bayaran bulanan tunggal (contoh: 1x, 2x, 3x). Mana-mana lebihan yang tidak menepati gandaan ini akan ditolak. (<i>Sehingga diberitahu kelak.</i>)</p>
8.	<p>What happens if I miss the combined monthly payment?</p> <p>Apa yang berlaku jika saya terlepas bayaran bulanan tunggal?</p>	<p>Missing the combined payment means both the vehicle instalment and battery rental payment are unpaid. If the combined payment is unpaid for two consecutive months, it will lead to an event of default, which triggers repossession of the vehicle.</p> <p>Jika bayaran bulanan tunggal tidak dibuat, kedua-dua ansuran pembiayaan dan bayaran sewa bateri dianggap tertunggak. Jika ia tertunggak selama dua bulan berturut-turut, ia boleh menyebabkan peristiwa mungkir (event of default) mengikut terma pembiayaan, yang boleh membawa kepada tindakan menarik balik kereta.</p>
9.	<p>Is the battery included in the financing amount?</p> <p>Adakah bateri termasuk dalam jumlah pembiayaan?</p>	<p>No. The financing amount covers the vehicle (without battery) price only. The battery is rented separately, with a monthly battery rental payment payable to PERODUA via Maybank Islamic.</p> <p>Tidak. Jumlah pembiayaan hanya meliputi harga kenderaan (tanpa bateri) sahaja. Bayaran disewa secara berasingan, dengan bayaran sewaan bateri bulanan yang perlu dibayar kepada PERODUA melalui Maybank Islamic.</p>
10.	<p>Is the programme Shariah-compliant, and what Shariah concept is used?</p> <p>Adakah program ini patuh Syariah, dan apakah konsep Syariah yang digunakan?</p>	<p>Both financing structures and the combined payment mechanism are Shariah compliant. MVTF-i is structured based on the Murabahah Purchase Orderer (MPO) concept.</p> <p>Kedua-dua struktur pembiayaan dan mekanisme pembayaran gabungan adalah patuh Syariah. MVTF-i</p>

		menggunakan konsep Murabahah Kepada Pesanan Belian (MPO) .
11.	How much is the battery rental payment? <i>Berapakah bayaran sewa bateri bulanan?</i>	The battery rental payment is determined by PERODUA and is stated clearly in your Letter of Offer and battery rental agreement. The amount collected by Maybank Islamic is inclusive of Sales & Service Tax (SST). <i>Bayaran sewa bateri ditetapkan oleh PERODUA dan dinyatakan dalam Surat Tawaran serta perjanjian sewa bateri anda. Jumlah yang dikutip oleh Maybank Islamic termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).</i>
12.	Will the battery rental payment change over time? <i>Adakah bayaran sewa bateri akan berubah pada masa akan datang?</i>	Any change will follow the terms and conditions of PERODUA's battery rental agreement . <i>Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada terma dan syarat di dalam perjanjian sewa bateri PERODUA.</i>
13.	What happens if the battery fails or needs replacement? <i>Apa yang berlaku jika bateri rosak atau perlu diganti?</i>	Battery issues, including replacement and warranty, are managed directly by PERODUA . <i>Semua urusan berkaitan bateri termasuk penggantian dan jaminan diuruskan sepenuhnya oleh PERODUA.</i>
14.	What is the buy-back arrangement with PERODUA? <i>Apakah pengaturan beli semula (buy-back) dengan PERODUA?</i>	Since the battery is owned by PERODUA, the vehicle cannot be disposed of to any third party other than PERODUA. In the event of default, Maybank Islamic has the right to repossess and dispose of the vehicle through private sale, auction, or other permitted methods, if necessary. PERODUA offers to buy back the vehicle at a price to be determined at the time of the vehicle disposal , subject to their assessment and conditions. <i>Oleh kerana bateri dimiliki oleh PERODUA, kenderaan tidak boleh dijual kepada mana-mana pihak ketiga selain PERODUA. Jika berlaku peristiwa mungkir, Maybank Islamic berhak untuk menuntut kembali dan menjual kenderaan melalui jualan persendirian, lelongan, atau kaedah lain yang dibenarkan, jika perlu.</i> <i>PERODUA menawarkan untuk membeli semula kenderaan pada harga yang akan ditentukan semasa penjualan kenderaan, tertakluk kepada penilaian dan syarat mereka.</i>
15.	If I default, will the buy-back price fully settle my outstanding financing?	The buy-back value may reduce your outstanding financing amount. However, if the buy-back value is lower than the amount due to the Bank , you will be required to settle the remaining balance.

	<p><i>Jika saya ingkar, adakah nilai beli semula (buy-back) mencukupi untuk menyelesaikan baki pembiayaan saya?</i></p>	<p>Nilai pembelian semula mungkin mengurangkan jumlah pembiayaan tertunggak anda. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai pembelian semula adalah lebih rendah daripada jumlah yang perlu dibayar kepada Bank, anda dikehendaki menyelesaikan baki yang masih tertunggak.</p> <p>Nilai beli semula boleh mengurangkan baki pembiayaan anda. Jika nilai beli semula tersebut lebih rendah daripada baki yang masih perlu dibayar kepada Bank, anda perlu menyelesaikan perbezaannya.</p>
16.	<p>Can I settle my financing early?</p> <p><i>Bolehkah saya menyelesaikan pembiayaan lebih awal?</i></p>	<p>Yes. You may settle your financing early at any time in accordance with your financing terms. Once your financing with us is fully settled, Maybank Islamic will stop collecting the battery rental payment. After that, you will make your monthly battery rental payments directly to PERODUA based on the terms of your battery rental agreement.</p> <p><i>Ya. Anda boleh memohon penyelesaian awal pada bila-bila masa mengikut terma pembiayaan. Setelah pembiayaan selesai sepenuhnya, Maybank Islamic akan berhenti mengutip bayaran sewa bateri, dan anda perlu membuat bayaran sewa bateri secara langsung kepada PERODUA.</i></p>
17.	<p>Where can I make my monthly combined payment?</p> <p><i>Di mana saya boleh membuat bayaran bulanan tunggal?</i></p>	<p>Payments can be made via MAE Application, Maybank2u website, ATM/CDM, or over-the-counter (where applicable).</p> <p><i>Bayaran boleh dibuat melalui aplikasi MAE, laman web Maybank2u, ATM/CDM, atau di kaunter bank (mana-mana berkenaan).</i></p>
18.	<p>What happens if the battery is a total loss due to reasons not caused by the customer?</p> <p><i>Apa berlaku jika bateri mengalami kerosakan penuh bukan disebabkan kecuaiian pelanggan?</i></p>	<p>If the battery is declared a total loss not due to customer negligence, PERODUA will stop charging the battery rental payment. This is subject to PERODUA's assessment.</p> <p>However, Maybank Islamic's system will still continue to collect the combined payment for one month after PERODUA stops charging the battery rental. The refund of the battery rental portion only will be processed within 5 business days after the one-month collection period, until the system upgrade is completed.</p> <p><i>Jika bateri mengalami kerosakan penuh tanpa kecuaiian pelanggan, PERODUA akan menghentikan caj sewa bateri. Keputusan ini tertakluk kepada penilaian PERODUA.</i></p> <p><i>Walaupun bagaimanapun, sistem Maybank Islamic akan tetap mengutip bayaran gabungan selama satu bulan selepas Perodua berhenti mengenakan caj sewa bateri. Bayaran sewa bateri akan dipulangkan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas</i></p>

		<i>tempoh kutipan satu bulan tersebut, sehingga naik taraf sistem diselesaikan.</i>
19.	<p>Who should I contact for financing or battery-related matters?</p> <p><i>Siapa yang perlu saya hubungi untuk urusan pembiayaan atau isu berkaitan bateri?</i></p>	<p>For financing or payment matters, please contact Maybank via the nearest branches or Customer Service centre at 1 300 88 6688. For battery rental and service issues, please contact PERODUA's Customer Service or your nearest PERODUA service centre.</p> <p><i>Untuk pembiayaan atau bayaran, sila hubungi kami melalui cawangan Maybank terdekat atau pusat Khidmat Pelanggan kami di 1 300 88 6688. Untuk isu sewa bateri atau servis, sila hubungi pusat Khidmat Pelanggan PERODUA.</i></p>